



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**06 MAC 2024  
25 Syaaban 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ubur-ubur api muncul di Pantai Geting</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Raih RM10,000 bela ikan keli Afrika</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>MalaysiaAktif</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernama</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (KK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	↗	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	✓	32
						06-03-2024

# Ubur-ubur api muncul di Pantai Geting

Oleh **ROHANA ISMAIL**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**TUMPAT:** Pengunjung Pantai Geting di sini dikejutkan dengan kemunculan ubur-ubur spesies *Physalia Physalis* atau *Portuguese Man of War Jellyfish* yang juga dikenali dengan ubur-ubur api.

Ubur-ubur tersebut boleh mendatangkan bahaya kepada pengunjung jika disengat kerana ia sangat menyakitkan dan racunnya juga boleh mendatangkan risiko kematian.

Namun tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati orang ramai melakukan aktiviti mandi laut dan bermain di pesisir pantai seperti biasa walaupun papan tanda amaran dan bendera merah sudah dinaikkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pengunjung, Halim Ismail, 50, berkata, dia sama sekali tidak mengetahui kehadiran ubur-ubur tersebut.

“Setahu saya, hidupan laut ini ditemukan terdampar di kawasan Pantai Bachok sahaja,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Fasihah Ashar, 19, memberitahu, dia bernasib baik tidak disengat oleh ubur-ubur semasa bermain air di kawasan pantai berkenaan.

Katanya, dia hanya tahu perkara itu selepas dimaklumkan oleh pasukan penyelamat pantai yang membuat rondaan.



**ANGGOTA** pasukan Penyelamat Pantai APM meletakkan papan tanda amaran kehadiran ubur-ubur api di Pantai Geting, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

Sementara itu, Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Tumpat, Leftenan (PA) Fuad Ismail berkata, kehadiran hidupan laut tersebut dikesan sejak petang kelmarin hasil pemantauan yang dijalankan.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati lebih 100 ekor ubur-ubur yang sudah mati ditemui terdampar.

“Saya nasihatkan kepada semua pengunjung supaya sentiasa wasapada dan sebolehnya elak bermain di

kawasan gigi air,” ujarnya.

Sebelum ini ubur-ubur itu muncul di perairan pantai di pantai Senok, Kemayan, Damat, Pantai Irama dan beberapa pantai lain di Bachok.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Kelantan mengesahkan kehadiran ubur-ubur berbahaya spesies *physalia physalis* di perairan negeri itu.

Perkara berkenaan dimaklumkan DOF Kelantan melalui satu kenyataan di laman Facebooknya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		↗	NEGATIF		NEUTRAL		18	06-03-2024



**MOKHTAR** menunjukkan salah seekor ikan keli Afrika yang ditenaknya di Felda Selasih, Besut semalam.

## Raih RM10,000 bela ikan keli Afrika

KOSMO, MS18

**BESUT** - Seorang peneroka mampu meraih pendapatan tambahan sebanyak RM10,000 semusim dengan menternak ikan keli Afrika di Felda Selasih di sini.

Mohhtar Ismail, 65, berkata, dia menternak ikan keli saiz gergasi itu di alur sungai di kawasan ladang kelapa sawitnya seluas 4.05 hektar.

"Saya mula mengusahakan ikan keli Afrika ini sejak 2010 dan tumbesarannya memakan masa setahun.

"Tempoh itu membolehkan ikan keli Afrika yang saya bela mencapai berat ideal iaitu antara tiga hingga lima kilogram (kg) seekor sebelum dipasarkan," katanya ketika ditemui di Felda

Selasih di sini semalam.

Mohhtar berkata, setiap musim dia mampu memasarkan hampir satu tan ikan keli Afrika yang dijual pada harga serendah RM10 sekilogram.

Tambah bapa kepada sembilan anak itu, ikan keli Afrika ditenaknya tidak hanyir kerana dilepas bebas secara semula jadi di dalam alur sungai ladang kelapa sawitnya.

"Kebanyakan pelanggan saya merupakan pengusaha kolam memancing yang akan membeli ikan keli Afrika ternakan saya hidup-hidup.

"Spesies ikan bersaiz besar itu kebiasaannya menjadi daya penarik bagi penganjuran pesta

memancing di kolam berkenaan," ujarnya.

Mohhtar berkata, selain itu, pelanggannya juga terdiri daripada pengusaha kedai makan dan restoran serta kantin sekolah.

Beliau mengakui turut menghadapi cabaran ancaman haiwan pemangsa seperti biawak dan memerang yang gemar makan ikan keli Afrika.

"Kerap juga ikan ternakan saya yang dibela secara lepas bebas dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

"Saya terpaksa sentiasa berjaga-jaga bagi memastikan tiada penceroboh memasuki ladang kelapa sawit untuk mencuri," jelasnya.